

25/09/1997

Peniaga Pekan Rabu tutup gerai

KUALA LUMPUR, Rabu - Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Pekan Rabu, Alor Setar akan menutup perniagaan mereka sehari jika Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) terus dengan keputusan merobohkan gerai peniaga di Jalan Tunku Abdul Rahman, di sini, esok.

Perkara itu disahkan oleh Setiausaha Agong Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Malaysia (PPPKM), Baharin Razak yang sudah menghubungi persatuan lain di seluruh negara.

Katanya, beberapa persatuan penjaja dan peniaga kecil lain turut menyatakan mereka akan memberi sokongan moral terhadap perjuangan peniaga kecil Jalan Tuanku Abdul Rahman.

Baharin juga Pengerusi Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Wilayah Persekutuan (PPPKWP), Baharin Razak, berkata jaminan itu disampaikan kepadanya sebagai bukti sokongan dan simpati terhadap nasib peniaga berkenaan.

"Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil cawangan Taiping (PPPKT) juga memberi sokongan moral kepada perjuangan peniaga di Chow Kit itu. Saya yakin persatuan penjaja dan peniaga kecil lain di seluruh negara juga memberi sokongan padu kepada perjuangan ini," katanya, di sini.

Semalam, kebanyakan gerai dan warung di beberapa kawasan di ibu kota termasuk Bangsar, Chow Kit, Jalan Pudu, Jalan Peel, Kampung Pandan dan Taman Tun Dr Ismail ditutup kerana membantah tindakan DBKL mahu meroboh gerai di Jalan Tunku Abdul Rahman itu.

Penjaja dan peniaga kecil di Jalan Tuanku Abdul Rahman pula sudah menutup premis masing-masing selama dua hari, sejak Isnin lalu serta berhimpun secara aman bagi menghalang kerja meroboh gerai mereka oleh DBKL.

Peniaga kecil Jalan Tunku Abdul Rahman sudah menghantar memorandum kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta supaya kerja meroboh dan memindahkan itu dibatalkan.

"Kami masih membuka pintu rundingan bagi membolehkan peniaga dan DBKL mengadakan perbincangan kerana persatuan mahu masalah itu diselesaikan secepat mungkin.

"Bagaimanapun, saya kesal kerana DBKL tidak mengambil kira pandangan persatuan dan peniaga sebaliknya tetap dengan keputusan meroboh serta memindahkan gerai itu," katanya.

Ditanya kemungkinan peniaga mengambil tindakan mahkamah, katanya langkah itu bukan jalan penyelesaian kerana persatuan dan peniaga masih percaya kepada perundingan.

Katanya, peniaga cuma mahukan keadilan dan mereka bukan menjalankan perniagaan tanpa lesen, sebaliknya sentiasa ditindas dan menerima tekanan DBKL.

(END)